



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BULETIN  
PEJABAT PENDAFTAR**

Edisi Ke-26/Disember 2016  
ISSN 1996/2924

# TERAS

<http://www3.utm.edu.my/pendaftar/teras>



*Perhimpunan*  
**1 UTeM**  
Pejabat Pendaftar

*Tahniah*

**Kejayaan Kumpulan KIK  
MOLIA di International  
Exposition on Team Excellence  
(IETEX) 2016, Singapura**

**Penyusunan Semula  
Pengurusan Mel UTeM**

**Persaraan Pilihan  
Persaraan Pilihan di  
bawah Seksyen 12  
Akta 227/239**

# Kandungan

- 3 **Team Building Pengurusan Tertinggi UTeM**  
Kejayaan sesebuah universiti dalam mencapai visi dan misi ...
- 5 **NLP Dalam Kerjaya**  
Corak latihan anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD)....
- 6 **NLP Untuk Penyelidik**  
Siri ke-2 kursus NLP telah diadakan pada 3 hingga 4 Mei 2016 yang melibatkan seramai 30 staf....
- 7 **Penyusunan Semula Pengurusan Mel UTeM**  
Bermula pada 4 Oktober 2016, Pusat Operasi..
- 9 **Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di UTeM**  
Pekeliling Pentadbiran Bil. 29 Tahun 2016 eluarkan....
- 10 **Garis Panduan Urusan Tempahan Tiket Kapal Terbang**  
UTeM telah menyediakan garis panduan...
- 12 **Persaraan Pilihan**  
Persaraan Pilihan di bawah Seksyen 12 Akta 227/239
- 14 **Kejayaan Kumpulan KIK MOLIA di (IETEX) 2016, Singapura**  
Kumpulan KIK MOLIA dari Perpustakaan...
- 16 **Kejayaan Penarafan Emas Tiga Bintang Kumpulan KIK UTeM di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan**  
Annual Productivity Innovation Conference..
- 18 **Majlis Kejayaan KIK UTeM**  
Majlis Kejayaan Kumpulan KIK UTeM ini telah...
- 20 **Bengkel Modul Penilaian Pelan Penggantian UTeM**  
Pelaksanaan Pelan Penggantian...
- 22 **Program Kejayaan Menanti 2016**  
Pihak Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan..
- 23 **Program Pemantauan Staf Cuti Belajar Dalam Negara Bagi Zon Selatan dan Perjumpaan Tertutup Bersama Penyelia (UTM & UTHM) 25 September 2016**  
Program Pemantuan Staf Cuti Belajar Dalam Negara telah diadakan pada 25 September 2016..
- 25 **Taburan Staf UTeM Cuti Belajar di Serata Dunia**
- 26 **Staf Berjaya Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana**

- 27 **Bengkel Siri Kedua: e-Penilaian/ eSKT Akademik UTeM**  
Bengkel ePenilaian Akademik UTeM Siri Kedua...
- 29 **Sesi Town Hall: Pendekatan Baru Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (e-Penilaian/SKT)**  
Pihak pengurusan Universiti telah menubuhkan...
- 30 **Mesyuarat Penyelarasan JALUMA Kali Ke-32 Bil.3/2016 & Makmal Latihan Berstruktur (24-26 Julai 2016)**  
Pertubuhan Jawatankuasa Latihan...
- 31 **Bengkel Penyediaan Buku Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Minit Mesyuarat di UTeM**  
Mesyuarat merupakan platform...
- 32 **Meneroka Rahsia Diri**  
Kecemerlangan sesebuah organisasi hanya akan...
- 33 **2,832 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2016/2017 Mendaftar di UTeM**  
Durian Tunggal - Seramai..
- 34 **Majlis Jasamu Dikenang**  
Saban tahun, Universiti telah..
- 36 **Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Melaka Tahun 2016**  
Sebagai salah satu Universiti Awam...
- 37 **UTeM Terbilang 2016**  
UTeM Terbilang Bil. 1/2016...
- 38 **Lawatan Kerja Penanda Aras Anugerah Akademik Universiti dan Pelan Penggantian**  
Delegasi lawatan kerja...
- 39 **Lawatan UNIMAS**  
Unit Emolumen Bahagian Pengurusan Sumber...

## Sidang Redaksi

**Penaung**  
Datuk Hasan bin Sirun

**Ketua Editor**  
Wahi bin Nordin

**Pembaca Prof**  
Nurhayati binti Mohd Shariff

**Editor**  
Noorazilah binti Mohamed

**Penulis/Wartawan**  
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin  
Mohamad Yusof bin Mohamad Dan  
Mohd Yazli bin Mohamed Rahis  
Mohd Nazrul bin Mohd Shafri  
Muhammad Iqbal bin Amdan  
Mohd Farid bin Mohd Khalid  
Norhafizah binti Md Yusof  
Noorazilah binti Mohamed  
Erdalia Erna binti Daud  
Noor Aswany binti Ses  
Azlina binti Amzah

**Sidang Redaksi**  
Muhamad Hazrul bin Md Esa  
Muhammad Iqbal bin Amdan  
Erdalia Erna binti Daud  
Noor Aswany binti Ses  
Mohd Faiz bin Zulkifli  
Azlina binti Amzah

**Jurugambar**  
Asri bin Abu  
Nurulidayu binti Talib  
Mohd Farid bin Supangi  
Md Nor bin Mohamad Saleh

**Reka Bentuk**  
Ratnasaerah binti Azis

## aktiviti



## Team Building Pengurusan Tertinggi UTeM

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

Kejayaan sesebuah universiti dalam mencapai visi dan misi serta melahirkan warga universiti yang berwibawa, berinovatif serta berdaya saing sangat bergantung kepada komitmen dan corak kepimpinan universiti tersebut. Justeru, kursus *Team Building* Pengurusan Tertinggi UTeM telah diadakan pada 13 hingga 15 Mei 2016 bertempat di Puteri Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan yang melibatkan seramai 42 orang Pengurusan Tertinggi UTeM.



## aktiviti

Kursus selama 3 hari ini telah diketuai oleh Naib Canselor UTeM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib yang turut terlibat sebagai peserta. Encik Amir bin Aris, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah dilantik sebagai Ketua Fasilitator kursus dan dibantu oleh Encik Azhar bin Mohd Salleh, Timbalan Pendaftar Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD). Objektif utama kursus adalah untuk pementapan pengurusan menerusi penghayatan visi dan misi universiti, hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dan strategi pengurusan strategik UTeM. Atas kesedaran ini, struktur kursus dibuat merangkumi Konsep Kepimpinan dalam Islam, Strategi Kepimpinan UTeM Mendepani Cabaran dan Kepimpinan Terulung Rasulullah SAW. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), YBhg. Profesor IR. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor turut menyumbang kepakaran beliau menerusi slot Sensorial Communication.

Motivasi peserta telah ditingkatkan menerusi beberapa slot aktiviti berpasukan yang dipimpin oleh Encik Mohd Isa bin Mohd Dom. Semangat berpasukan jelas ditunjukkan oleh setiap peserta dalam melaksanakan setiap aktiviti yang diarahkan. Sifat kepimpinan dan disiplin mematuhi arahan telah digalas dengan jayanya yang menyaksikan keupayaan fizikal dan mental peserta diuji ke tahap yang maksimum. Penerapan ilmu kerohanian yang sangat dianjurkan oleh Pendaftar UTeM, Datuk Hasan bin Sirun seperti Konsep bekerja sebagai ibadah dan kepimpinan Rasulullah SAW telah dizahirkan menerusi slot Solat Berjemaah serta Tazkirah oleh Pengarah Pusat Islam, Dr. Muhd Akmal Noor bin Rajikon.

Peserta turut melalui proses Profiling yang telah dipimpin oleh Profesor Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus dan dibantu oleh Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa, Pegawai Psikologi, Pejabat Pendaftar UTeM. Karakter yang dikenalpasti menerusi aktiviti ini telah membantu peserta mengenali kekuatan dan kelemahan diri yang akan menjadi panduan dalam melayari cabaran kepimpinan jabatan masing-masing.

Secara keseluruhannya, ikatan kemesraan dan semangat berpasukan telah berjaya diterapkan menerusi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Harapan tinggi dari Naib Canselor juga keseluruhan Pengurusan Tertinggi Universiti untuk melonjak universiti ke mercu kecemerlangan kini lebih jelas dalam mencapai kejayaan di dunia dan juga di akhirat. Always a Pioneer, Always Ahead.



4

## aktiviti

Corak latihan anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah dipelbagai-kan menerusi penganjuran Kursus NLP Dalam Kerjaya pada 26 hingga 27 April 2016 yang melibatkan seramai 31 pegawai dari pelbagai jabatan. Neuro – Linguistic Programming atau NLP merupakan model komunikasi interpersonal yang menghubungkan-kait sifat keperibadian individu dan pengalaman juga mendidik individu menerusi *self-awareness* dan komunikasi berkesan dalam mengubah corak pemikiran dan sikap emosi individu.

# NLP Dalam Kerjaya

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

**Tempat**  
Bilik Jamuan VIP,  
Dewan Besar

**Tarikh**  
26 - 27 April 2016

**Jumlah Peserta**  
31 orang




Kursus ini telah diterajui oleh Encik Amir bin Aris, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang juga merupakan *Certified NLP-Coach* dan turut dibantu oleh beberapa coach NLP terdiri daripada kepakaran dalaman UTeM. Konsep *coaching* telah memberi impak yang tinggi khususnya kepada peserta kerana kaedah *self-awareness* dan perkongsian pengalaman oleh setiap peserta telah dipandu oleh setiap *coach*. Segala dapatan dalam bentuk idea dan cadangan dari peserta telah disusuli dengan beberapa tindakan yang dicadangkan oleh peserta. Situasi ini secara tidak langsung telah menghasilkan cetusan perubahan diminda peserta yang akhirnya menimbulkan getaran kesedaran yang lebih berkesan. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), YBhg. Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor turut berkongsi pengalaman NLP menerusi slot *power story*.



Secara keseluruhannya, kursus ini sangat wajar diteruskan dan melibatkan pelbagai lapisan skim dan gred staf agar pembentukan staf berteraskan nilai teras UTeM dapat direalisasikan dengan jayanya.

5



**Tempat**  
Bilik Jamuan VIP,  
Dewan Besar

**Tarikh**  
3 – 4 Mei 2016

**Jumlah Peserta**  
30 orang

## NLP Untuk Penyelidik

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

Siri ke-2 kursus NLP telah diadakan pada 3 hingga 4 Mei 2016 yang melibatkan seramai 30 staf dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan fakulti. Objektif penganjuran kursus ini adalah berfokuskan memartabatkan budaya penyelidikan di kalangan warga UTeM. Kaedah *coaching* masih dikekalkan yang telah menghasilkan dapatan idea dan tindakan oleh peserta kursus.



### PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

**MEL BIASA**  
- mel frangki & setem

**MEL DAFTAR**  
- mel daftar  
- mel daftar berjawab

**MEL TERKAWAL**  
- pos laju  
- mel serahan tangan

## Penyusunan Semula Pengurusan Mel Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Oleh: Mohamad Yusof bin Mohamad Dan

Bermula pada 4 Oktober 2016, Pusat Operasi Mel UTeM telah berpindah dari Kampus Induk ke Kampus Teknologi. Perpindahan ini bertujuan untuk meningkatkan kelancaran dan keberkesanan pengurusan mel di Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagaimana kelulusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil. 5/2016 bertarikh 16 Ogos 2016.

Urusan penghantaran dan penerimaan mel yang sebelum ini dikendalikan oleh 51 orang Pembantu Operasi / Pembantu Am Pejabat (PO/PAP) di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) telah dikejutkan di mana hanya seramai 7 orang PO/PAP sahaja yang terlibat dalam penghantaran dan penerimaan mel melalui 5 bit (laluan) yang telah dikenalpasti. 5 bit yang menjadi laluan adalah seperti berikut:

- 1 BIT 1 – Kampus Induk
- 2 BIT 2 – Kampus Induk
- 3 BIT 3 – Kampus Induk
- 4 BIT 4 – Kampus Teknologi dan Pejabat Kerajaan sekitar Ayer Keroh
- 5 BIT 5 – Asrama Pelajar, Kampus Bandar dan Pejabat Kerajaan sekitar Kampus Bandar

Operasi Mel UTeM atau lebih dikenali sebagai POS UTeM diketuai oleh seorang 'Post Master' dan dibantu oleh seorang 'Post Assistant'. Urusan penghantaran dan pengambilan mel di semua PTj dilaksanakan oleh 5 orang 'Post Rider' melalui 5 bit. Walaupun berlaku perubahan dalam operasi keseluruhan mel di UTeM, struktur penguurusan mel masih lagi di bawah tanggungjawab Bahagian Penguurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar.

Jadual penghantaran dan pengambilan mel dilaksanakan sebanyak 2 kali sehari iaitu pada jam 10.30 pagi hingga jam 12.00 tengahari dan pada jam 2.30 petang hingga 4.00 petang. Bagi penghantaran bungkusan atau mel dalam kuantiti yang besar, perkhidmatan van disediakan oleh POS UTeM yang akan membuat pengambilan di PTj pada jam 3.00 petang setiap hari. PTj boleh juga menghantar sendiri bungkusan atau mel dalam kuantiti yang besar ke POS UTeM sebelum jam 4.00 petang bagi memastikan penghantaran bungkusan atau mel dapat dibuat pada hari yang sama.



Jenis-Jenis Perkhidmatan Pos Yang Disediakan:

- 1 Mel Biasa
  - i) Mel Frangki & Setem
- 2 BIT 3 – Kampus Induk
  - i) Mel Daftar
  - ii) Mel Daftar Berjawab
- 3 Item Terkawal
  - i) Pos Laju

4 Mel Serahan Tangan

Perkhidmatan yang disediakan oleh POS UTeM hanya terhad untuk penghantaran dan pengambilan mel atau bungkusan rasmi Universiti Teknikal Malaysia Melaka sahaja. Mel atau bungkusan yang dihantar/diterima untuk tujuan peribadi tidak akan diuruskan oleh POS UTeM berdasarkan Info UTeM bertarikh 16 Disember 2014.

# Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Azlina binti Amzah



Waktu Peringkat (WP) ini **berkuat kuasa di UTeM** mulai bulan **Disember 2016** dan staf akan membuat perancangan WP selama setahun bagi bulan Januari 2017 hingga Disember 2017 dan begitulah bagi tahun seterusnya.

Pekeliling Pentadbiran Bil. 29 Tahun 2016 telah dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Pelaksanaan WBB adalah bagi kehadiran Staf Pentadbiran (staf Bukan Akademik) sahaja di semua PTj kecuali bagi PTj yang mengamalkan waktu bekerja mengikut syif. Ketua PTj boleh menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja dengan berdasarkan keperluan perkhidmatan di PTjmasing-masing.

Objektif utama pelaksanaan WBB adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan memanjangkan tempoh perkhidmatan kepada orang awam. Sistem WBB merupakan pengubahsuaian kepada sistem rekod kehadiran sedia ada. WBB juga bertujuan untuk memberi peluang kepada staf untuk memilih waktu bekerja yang sesuai dengan kedudukan dan keselesaan mereka seterusnya dapat menyumbang kepada organisasi dengan lebih berkesan. Ia memberi pilihan kepada staf untuk memilih waktu yang paling sesuai untuk datang bekerja berdasarkan faktor-faktor peribadi seperti keselesaan, jarak rumah dengan tempat kerja serta lain-lain keperluan peribadi. Tambah nilai adalah terletak kepada alternatif yang diberikan kepada seseorang staf untuk memilih salah satu daripada tiga (3) pilihan waktu untuk datang bekerja.

Jadual Waktu Peringkat (WP) adalah seperti berikut:

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin-Khamis	7.30 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-2.00 ptg	2.00 ptg-4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg-12.15 tgh	12.15 tgh-2.45 ptg	2.45 ptg-4.30 ptg
WP2	Isnin-Khamis	8.00 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-2.00 ptg	2.00 ptg-5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg-12.15 tgh	12.15 tgh-2.45 ptg	2.45 ptg-5.00 ptg
WP3	Isnin-Khamis	8.30 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-2.00 ptg	2.00 ptg-5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg-12.15 tgh	12.15 tgh-2.45 ptg	2.45 ptg-5.30 ptg

# Garis Panduan Urusan Tempahan Tiket Kapal Terbang

Oleh: Azlina binti Amzah

UTeM telah menyediakan garis panduan kemudahan perjalanan melalui kapal terbang selaras dengan Perintah Am B. Masa kini urusan membuat tempahan tiket kapal terbang staf bagi urusan rasmi, dikendalikan sendiri oleh Penyelaras Tempahan Tiket Kapal Terbang di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah dilantik.

Urusan tempahan tiket kapal terbang boleh dibuat dengan dua (2) cara iaitu:-

- 1 Panel Tiket Kapal Terbang – mengguna peruntukan PTJ dan pembayaran secara invoice.
- 2 *Online* – mengguna peruntukan PTJ dan pembayaran secara Kad Korporat yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari kepada PTJ yang memohon atau mengguna kad kredit individu.

Selaras dengan perkembangan semasa dan bagi memantapkan tadbir urus dalam urusan tempahan tiket kapal terbang, BPO, Pejabat Pendaftar menambahbaik proses kerja dengan mewujudkan Garis Panduan Urusan Tempahan Tiket Kapal Terbang sebagai rujukan staf terhadap tatacara

dan tindakan yang perlu diambil dalam urusan tempahan tiket kapal terbang serta mematuhi peraturan yang berkuat kuasa di UTeM. Garis Panduan ini telah dimaklumkan kepada semua Penyelaras PTJ pada 1 Jun 2016. Garis Panduan adalah seperti berikut:-

- 1 Tempahan tiket perlu dibuat dan dihantar ke bahagian pentadbiran PTJ tujuh (7) hari sebelum tarikh penerbangan pergi manakala bagi perjalanan ke Luar Negara tempahan perlu dibuat 1 bulan sebelum tarikh penerbangan pergi;
- 2 Sebarang perubahan tempahan lebih dari dua (2) kali perlu mengisi semula permohonan tempahan yang baru;
- 3 Sekiranya berlaku pertukaran tarikh dan masa, perubahan hanya boleh dibuat 72 jam sebelum penerbangan ke luar negara dan 48 jam sebelum penerbangan dalam negara (domestik) tertakluk kepada Syarikat Penerbangan yang dipilih.

- 4 Bagi tiket yang telah dikeluarkan, sebarang pindaan tarikh atau masa penerbangan, yang kurang dari syarat penerbangan pertukaran adalah tertakluk kepada syarikat penerbangan dan penukaran yang dibuat akan dikenakan denda bergantung kepada syarikat penerbangan. Pihak UTeM tidak akan menanggung sebarang kos untuk denda.

- 5 Sila lampirkan dokumen yang menyokong perjalanan seperti surat-menyurat, surat kelulusan menghadiri kursus dan lain-lain bersama-sama borang permohonan tempahan tiket penerbangan.

- 7 Masa penerbangan adalah tertakluk kepada kekosongan;

- a Merujuk Pekeliling Perbendaharaan Bil 9. Tahun 1992, MAS akan mengenakan denda ke atas "no-show passengers" dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan (dalam kes UTeM, adalah staf UTeM) dan menetapkan cara bayaran denda tersebut.

- b Takrif "no-show passengers" merangkumi salah satu keadaan seperti berikut bagi penerbangan dalam negeri dan di antara Negara Malaysia dan Singapura;

- i) Takrif "no-show passengers" merangkumi salah satu keadaan seperti berikut bagi penerbangan dalam negeri dan di antara Negara Malaysia dan Singapura;
- ii) Penumpang yang gagal melakukan perjalanan dengan penerbangan yang ditempah;
- iii) Penumpang yang gagal melaporkan diri dalam masa ditetapkan;
- iv) Penumpang yang gagal melakukan perjalanan oleh sebab tidak mempunyai dokumen yang lengkap;

- c MAS tidak akan mengeluarkan bil untuk menuntut bayaran denda bagi "no show passengers". Bayaran denda tersebut akan ditolak daripada tuntutan bayaran balik (refund) oleh Universiti ke atas tiket yang telah tidak digunakan. Staf UTeM yang diberikan tiket penerbangan hendaklah melaporkan kepada bahagian pentadbiran PTJ sama ada beliau menggunakan tiket penerbangan tersebut atau tidak. Ini adalah untuk memastikan bahawa pihak UTeM hanya akan membayar tiket penerbangan yang telah digunakan. Di samping itu, ianya juga akan dapat menentukan sama ada telah berlaku "no show passengers".

- d Jika PTJ mendapati telah berlaku kejadian "no show passengers", siasatan akan dilakukan untuk mengenalpasti kesusilaan perkara berkaitan.

- e Jika kejadian "no show passengers" itu tidak disebabkan oleh kesalahan staf UTeM maka denda akan dijelaskan oleh pihak UTeM dengan syarat staf UTeM berkenaan menyatakan surat penjelasan serta disokong oleh Ketua PTJ.

- f Jika kejadian "no show passengers" adalah disebabkan oleh kesalahan staf UTeM sendiri maka denda yang dikenakan hendaklah dituntut secara tunai dari staf UTeM berkenaan atau dipotong daripada gajinya.

- 8 Sebarang pertanyaan, boleh rujuk dengan Pegawai Penyelaras dan Pembantu Penyelaras di setiap PTJ masing-masing.

# Persaraan Pilihan

## Persaraan Pilihan di bawah Seksyen 12 Akta 227/239

Oleh: Norhafizah binti Md Yusoh

### TERMA DAN TAKRIFAN

Seseorang anggota berpencen yang telah berumur 40 tahun boleh untuk memohon persaraan pilihan sekiranya telah berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun.

### SYARAT-SYARAT

Permohonan persaraan pilihan boleh dibuat melalui Ketua Pusat Tanggungjawab setelah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Berumur tidak kurang 40 tahun;
- Tempoh Perkhidmatan yang boleh dimasuk kira tidak kurang daripada 10 tahun
- Bebas daripada tindakan Tatatertib
- Lulus Tapisan Keutuhan SPRM

### RUJUKAN DASAR-DASAR/PEKELILING BERKAITAN

- Seksyen 12, Akta 227, Akta Pencen 1980;
- Seksyen 12, Akta 239, Akta Pencen 1980;
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003

### FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN PILIHAN

Faedah persaraan	Formula pengiraan / Kelayakan
Pencen Bulanan	$1/600 \times \text{Tempoh Perkhidmatan yang Boleh Dimasukkiran} \times \text{Gaji Akhir Bagi Jawatan Yang Telah Disahkan}$ <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada 30 tahun perkhidmatan @ 3/5 dari gaji akhir</li> </ul>
Ganjaran Persaraan	$7.5\% \times \text{Tempoh Perkhidmatan yang Boleh Dimasukkiran} \times \text{Gaji Akhir Bagi Jawatan Yang Telah Disahkan}$
Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)	$1/30 \times \text{Jumlah Cuti Rehat Terkumpul} \times (\text{Gaji Akhir} + \text{Imbuhan Tetap})$ <ul style="list-style-type: none"> <li>• Imbuhan Tetap:           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Imbuhan Tetap Khidmat Awam</li> <li>• Imbuhan Tetap Perumahan</li> <li>• Imbuhan Tetap Keraian</li> <li>• Imbuhan Tetap Jawatan Utama</li> </ul> </li> </ul>

Faedah persaraan	Formula pengiraan / Kelayakan
Faedah Perubatan	Berdasarkan kelayakan yang ditetapkan di bawah Perintah Am Bab F dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009

### MAKLUMAT BAYARAN FAEDAH PERSARAAN PILIHAN

#### Ganjaran Dan Wang Gantian Cuti Rehat

Bayaran Ganjaran dan Wang Gantian Cuti Rehat akan dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh persaraan.

#### Pencen Bulanan

Pencen bulanan akan dibayar tertakluk kepada:- Bagi seorang staf dilantik sebelum 12.4.1991, pencen bulanan akan dibayar apabila mencapai umur 45 tahun bagi:

- Staf perempuan
- Pegawai Perkhidmatan Bomba berpangkat rendah
- Pegawai Polis berpangkat rendah
- Pegawai Penjara berpangkat rendah
- Jururawat lelaki di Hospital mental

Pada umur 50 tahun bagi staf lelaki selain di atas yang dilantik sebelum 12.4.1991.

Bagi staf lelaki/perempuan dilantik pada atau selepas 12.4.1991, pencen bulanan akan dibayar apabila mencapai umur 55 tahun.

### SOALAN LAZIM

1 Bilakah seorang staf boleh memohon persaraan pilihan?

*Seksyen 12, Akta Pencen 1980 (Akta 239), memperuntukkan kemudahan untuk anggota perkhidmatan awam bersara secara pilihan sekiranya telah berumur sekurang-kurangnya 40 tahun pada tarikh persaraan yang dipohon dan beliau mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira tidak kurang daripada 10 tahun.*

2 Pihak manakah yang bertanggungjawab memberi kelulusan Persaraan Pilihan?

*Bagi pesara lantikan badan berkanun, Persaraan Pilihan yang diluluskan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.*

3 Adakah pencen bulanan dikenakan cukai?

*Hanya pencen bulanan yang diterima sebelum mencapai umur 55 tahun akan dikenakan cukai. (tertakluk kepada jumlah yang layak dikenakan cukai pendapatan)*

*\*Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat (GCR) dikecualikan daripada Cukai Pendapatan.*

### PROSEDUR PERMOHONAN BERSARA PILIHAN DI UTeM

- Staf yang ingin membuat permohonan persaraan pilihan hendaklah memohon sekurang-kurangnya enam (6) bulan awal dari tarikh persaraan yang dipohon.
- Surat permohonan daripada staf hendaklah melalui sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab.
- Tarikh persaraan yang dipohon berserta alasan bersara pilihan hendaklah dicatatkan di dalam surat permohonan.
- Telah mendapat kelulusan perisytiharan harta yang terkini.

#### Nota:

*Kegagalan atau kelewatan dalam mengemukakan maklumat-maklumat persaraan akan melewati proses mengemukakan permohonan staf ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pembayaran pencen, ganjaran dan lain-lain*

# Kejayaan Kumpulan KIK MOLIA di International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2016, Singapura

Oleh: Noorazilah binti Mohamed



Kumpulan KIK MOLIA dari Perpustakaan dengan tajuk projek Eureka Tag (e-Tag) telah berjaya memperoleh pelbagai anugerah dan pengiktirafan bermula dari peringkat Universiti Awam sehingga ke peringkat kebangsaan. Kumpulan MOLIA dianggotai oleh:

1. Mohd Ikhbar bin Abdul Jabbar (Ketua Kumpulan)
2. Suzana binti Lazim
3. Kamariah binti Kamis
4. Noraidillah binti Rasdi
5. Hafizah binti Mohamad
6. Norfazlin binti Tambi Chek

Berikut adalah senarai pencapaian kumpulan MOLIA:

1. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam



2. Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



3. National Team Excellence on Innovative Creative Circle (ICC) Convention, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



Sehubungan dengan itu, melalui kemenangan di peringkat kebangsaan iaitu di National Team Excellence on Innovative Creative Circle (ICC) Convention anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kumpulan MOLIA telah berjaya meraih penarafan Emas Tiga Bintang seterusnya telah melayakkan kumpulan ini untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

Penganjuran International Exposition On Team Excellence (IETEX) 2016 pada 26 hingga 28 September 2016 ini melibatkan penyertaan negara dari Singapura, Indonesia, Jepun, Malaysia dan Fiji bagi tujuan mengiktiraf kumpulan-kumpulan yang telah berjaya melaksanakan projek penambahbaikan dan penciptaan nilai di setiap organisasi. IETEX merupakan satu program tahunan yang dianjurkan oleh Singapore Productivity Association (SPA).

Kumpulan MOLIA telah berjaya mendapat penarafan Emas Dua Bintang dan merupakan wakil tunggal dari Malaysia. Tahniah dan syabas kepada Kumpulan KIK MOLIA dan diharapkan kumpulan ini akan mengekalkan momentum kecemerlangan dengan menghasilkan projek-projek inovasi yang memberi manfaat kepada Universiti dan komuniti.

# Kejayaan Penarafan Emas Tiga Bintang Kumpulan KIK UTeM di Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Annual Productivity Innovation Conference and Exposition 2016 (APIC 2016)

Oleh: Noorazilah binti Mohamed



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya menerima penarafan emas pada Konvensyen *Team Excellence* 2016 Wilayah Selatan pada 15 dan 16 Ogos 2016 di Johor Bahru, Johor. Kejayaan ini diraih menerusi projek inovasi iaitu projek Penggunaan Pendingin Hawa Yang Tidak Berkawal di Aras 1, Blok Pentadbiran FKE yang dihasilkan oleh kumpulan Go-SaVe dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan projek eAttendance daripada kumpulan Go Green dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Sehubungan dengan itu, kumpulan Go-SaVe dan Go Green telah dipilih bagi mewakili UTeM ke Konvensyen Team Excellence Kebangsaan bagi kategori sektor awam.

Projek Inovatif dan Kreatif (KIK) Kumpulan Go-SaVe bertajuk "Penggunaan Tenaga Yang Tidak Berkawal Terhadap Pendingin Hawa di Aras 1 Blok Pentadbiran FKE dan Kumpulan Go Green bertajuk "Penggunaan Kertas Yang Banyak dalam Mengurus Kehadiran Pelajar Secara Manual telah mendapat **Anugerah 'Emas 3 Bintang'** di dalam *Annual Productivity Innovation Conference and Exposition 2016 (APIC 2016)* sempena penganjuran Konvensyen *Team Excellence* Kebangsaan 2016 pada 25 hingga 27 Oktober.

Projek Inovatif dan Kreatif (KIK) Kumpulan Konvensyen anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis penutup dan penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 27 Oktober 2016 di Dewan Perdana, PICC, Putrajaya.

*Annual Productivity Innovation Conference and Exposition 2016 (APIC 2016)* adalah platform untuk organisasi awam dan swasta mempamerkan amalan terbaik mereka dalam proses inovasi, meningkatkan kepuasan pelanggan dan pengurusan kos. Ianya mempertandingkan *Inovative Creative Circle (ICC)* dalam empat (4) kategori iaitu Sektor Awam, Sektor Elektrik Elektronik, Sektor Perkilangan dan Sektor Perkhidmatan dan berjaya menarik penyertaan daripada 214 kumpulan dari seluruh Malaysia.

Kumpulan yang menunjukkan prestasi terbaik akan dijemput untuk menyertai persidangan antarabangsa berkaitan inovasi iaitu *International Convention on Quality Control Circle 2017 (ICQCC 2017)* di Filipina, *International Exposition on Team Excellence 2017 (IETEX 2017)* di Singapura, *International Quality and Productivity Convention 2017 (IQPC)* di Indonesia dan *Asia Pacific Quality Conference 2017 (APQC 2017)* di Filipina.

# Majlis Kejayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Noorazilah binti Mohamed



Majlis kejayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM ini telah diadakan pada 1 Disember 2016 bertempat di Kafetaria Staf, UTeM. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor, UTeM.

Penganjuran majlis ini bertujuan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada Kumpulan KIK yang berjaya dalam mempergiatkan usaha serta menghasilkan penyelesaian kreatif dan inovatif dalam mewujudkan impak ke atas projek yang dihasilkan.

Majlis ini meraikan enam (6) Kumpulan KIK iaitu Kumpulan techITez, MOLIA, Go Save, Go Green, Income dan FTK One yang telah berjaya melakar kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama UTeM di peringkat Universiti Awam sehingga antarabangsa.

Pada tahun 2016 ini, dua (2) Kumpulan KIK UTeM iaitu techITez dan MOLIA telah merintis kecemerlangan dari persada tempatan hingga ke antarabangsa bagi mewakili Malaysia. Penarafan emas diperoleh melalui Kumpulan techITez di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2016, Bangkok, Thailand dan MOLIA di International Exposition on Team Excellence (IETEX) di Singapura.



Manakala Kumpulan Go Save dan Go Green pula melalui projek inovasi Penggunaan Tenaga di FKE dan e Attendance telah berjaya memperoleh penarafan emas dari peringkat Universiti Awam hingga ke kebangsaan.

Selain itu, tidak kurang hebatnya Kumpulan Income dan FTK One, yang pertama kali menyertai KIK peringkat Universiti Awam dan berjaya memperoleh penarafan Perak.



UTeM kini telah melakar kejayaan demi kejayaan. Kejayaan kecil ini adalah kejayaan bersama serta menjadi pemangkin kepada kumpulan-kumpulan lain dan diharapkan kejayaan akan sentiasa mengiringi Kumpulan KIK UTeM.





Tempat  
Bilik Jamuan VIP,  
Dewan Besar

Tarikh  
26 hingga  
27 Julai 2016

## Bengkel Modul Penilaian Pelan Penggantian Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

Pelaksanaan Pelan Penggantian Pentadbir Pengurusan di UTeM adalah selaras dengan keperluan strategi Tema 5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020. Strategi Tema 5 mentakrifkan bakat strategik UTeM yang diperlukan dalam merealisasikan Wawasan 2020 dengan menginstitusikan ekosistem yang menarik bakat-bakat yang kreatif dan inovatif.

Usaha berterusan lagi terancang menuntut UTeM melaksanakan Pelan Penggantian Pentadbir Pengurusan bagi jawatan-jawatan strategik demi membentuk barisan pemimpin pelapis yang berketerampilan dan menjamin kelangsungan kepemimpinan yang menjiwai aspirasi UTeM. Justeru itu, melalui pelaksanaan Pelan Penggantian ini dapat memastikan pentadbir yang kompeten mengisi jawatan strategik bagi memenuhi keperluan Universiti, pemegang taruh serta mempunyai ciri-ciri personaliti unggul (*towering personality*).



Sehubungan dengan itu, pelaksanaan bengkel modul penilaian Pelan Penggantian Pentadbir Pengurusan ini merupakan satu kaedah mengenal pasti pegawai yang mempunyai kompetensi cemerlang serta menentukan proses dan alat penilaian berwibawa dan adil. Pegawai yang mempunyai kompetensi cemerlang merupakan individu yang mantap, berpengetahuan, berpengalaman, berkemahiran dan memiliki keterampilan diri bagi melahirkan tenaga kerja profesional.

Bengkel ini melibatkan kerjasama antara Jawatankuasa Kecil Pelan Penggantian Pentadbir Pengurusan bersama dengan wakil-wakil skim dan pentadbir Fakulti.

Senarai Jawatankuasa Kecil Pencarian Pelan Penggantian Pentadbir:

1. Encik Wahi bin Nordin (Pengerusi)
2. Profesor Dr. Md. Razali bin Ayob (Ketua Fasilitator)
3. Encik Mohamad Zahir bin Zainudin (Penolong Fasilitator)
4. Puan Noorazilah bt Mohamed
5. Puan Noor Izwanni bt Amil
6. Puan Junaidah bt Kasim
7. Puan Raihatul Jannah bt Abdullah
8. Puan Nur Syaqqirin bt Rasid
9. Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa

### OBJEKTIF PELAKSANAAN BENGKEL:

**i** Mengenal pasti dan menilai bakat bakal-bakal pemimpin bagi pentadbir yang berpotensi tinggi dalam gred jawatan berkaitan bagi mengisi jawatan kepimpinan utama, strategik dan kritikal adalah penting bagi mencapai kecemerlangan selaras dengan visi dan misi Universiti.

**ii** Mengenal pasti pegawai yang mempunyai kompetensi cemerlang serta menentukan proses dan alat penilaian berwibawa dan adil. Pegawai yang mempunyai kompetensi cemerlang merupakan individu yang mantap, berpengetahuan, berpengalaman, berkemahiran dan memiliki keterampilan diri bagi melahirkan tenaga kerja profesional.

## Program Kejayaan Menanti 2016

Oleh: Erdalia Erna binti Daud

**Tempat**  
Dewan Auditorium,  
Canselori

**Tarikh**  
25 Mac 2016

**Anjuran:**  
Bahagian Cuti Belajar

Pihak Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar sejak tahun 2006 untuk menaja Pensyarah-pensyarah, Tutor, Jurutera Pengajar dan Fellow untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Penajaan berkenaan adalah merupakan usaha Kerajaan untuk mencapai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sekurang-kurangnya 60% pensyarah berkelayakan PhD di IPTA. Selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), UTeM sebagai sebuah universiti berfokus telah mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan lagi jumlah pensyarah akademik yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dan mempunyai persijilan professional dari dalam negara ataupun antarabangsa.

Melalui statistik cuti belajar yang dikeluarkan pada 30 September 2016, seramai 65 orang staf yang telah kembali melaporkan diri ke Universiti tetapi masih belum menamatkan pengajian dan kini sedang dalam peringkat menganalisa data dan penulisan tesis. Golongan staf di bawah status Kejayaan Menanti ini adalah yang perlu dibantu untuk melonjakkan lagi bilangan ahli akademik yang berkelayakan PhD di Universiti. Sekiranya staf ini tidak dibantu dikhuatiri akan meningkatkan lagi bilangan staf Pecah Kontrak dan gagal dalam pengajian. Implikasi ini bukan sahaja merugikan wang Kerajaan selaku penaja bahkan turut mencerminkan budaya yang kurang sihat didalam institusi pengajian tinggi.

Program Kejayaan Menanti 2016 telah diadakan pada 25 Mac 2016 bertempat Dewan Auditorium, Canselori. Program Kejayaan Menanti ini dijalankan khusus untuk membantu staf cuti belajar yang telah lapor diri tetapi masih belum menamatkan pengajian. Program sehari ini menerima kehadiran seramai 64 orang peserta.

Melalui program yang dijalankan ini, pihak Urusetia telah menjemput Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk menyampaikan amanat dan memberikan perangsang kepada staf untuk meneruskan pengajian dan berjuang hingga berjaya mengecapi kejayaan. Selain itu juga turut diadakan sesi dialog di antara staf yang hadir bersama YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Bahagian Cuti Belajar.

Adalah menjadi harapan pihak Universiti semoga penganjuran program latihan yang dirancang oleh Bahagian Cuti Belajar akan membantu untuk menyumbang kepada penambahbaikan berterusan, inovasi dan kecemerlangan akademik dalam melahirkan tenaga pakar yang mempunyai kedudukan akademik yang tertinggi.

## Program Pemantauan Staf Cuti Belajar Dalam Negara Bagi Zon Selatan dan Perjumpaan Tertutup Bersama Penyelia (UTM & UTHM) 25 September 2016

Oleh: Mohd Nazrul bin Mohd Shafri

Program Pemantuan Staf Cuti Belajar Dalam Negara telah diadakan pada 25 September 2016 bertempat Pulau Spring Resort, Johor Bahru melibatkan perjumpaan bersama staf cuti belajar dalam negara di Zon Selatan yang melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Perjumpaan ini menerima kehadiran khas Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Datuk. Dr. Mohd Razali bin Muhammad bersama-sama beberapa orang penyelia staf cuti belajar yang dijemput dari UTM, UTHM, Dekan-dekan Fakulti Universiti dan dipengerusikan oleh Encik Akmal bin Abdul Manap selaku Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar. Program ini telah disertai seramai 20 orang staf cuti belajar dan 2 orang Fellow cuti belajar.

Objektif utama program ini adalah untuk mengadakan pertemuan dan memberi motivasi kepada semua staf yang sedang dalam pengajian di dalam negara agar staf berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, pertemuan ini dapat memberi maklumbalas kepada pihak Universiti untuk memantau tentang perjalanan program akademik dan penyelidikan yang sedang dilaksanakan oleh staf cuti belajar agar seiring dengan penyelidikan yang dijalankan bagi melengkapkan pengajian. Sesi pertemuan tertutup bersama Penyelia staf cuti belajar juga diatitkan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi di peringkat awal pengajian agar Universiti dapat melihat perkembangan pengajian secara jelas dan seterusnya membantu menjayakan visi Universiti.






Staf cuti belajar juga diberikan maklumat berkaitan perkembangan semasa yang berlaku dalam Universiti agar perjalanan pengajian mereka adalah seiring dengan keperluan dan kehendak semasa Universiti.

Pada sesi perjumpaan ini, YBhg. Prof. Datuk Mohd Razali bin Muhamad berharap kesemua staf yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini akan membawa pulang segulung Ijazah PhD dengan jayanya serta berkemampuan untuk mengharungi cabaran yang mendatang selari dengan peranan pensyarah untuk membentuk generasi bangsa yang berdaya saing di peringkat globalisasi.




## Taburan Staf UTeM Cuti Belajar di Serata Dunia

Oleh: Norsuria bint Aziz



NEGARA	PENGHANTARAN	BERJAYA	KEJAYAAN MENANTI	SEDANG CB	PECAH KONTRAK
UK/IRE	143	77	13	28	25
MALAYSIA	280	108	46	87	39
JEPUN	75	41	2	32	0
AUSTRALIA	46	27	2	6	11
NEW ZEALAND	10	7	1	2	0
GERMAN	7	4	1	1	1
NETHERLAND	8	2	0	6	0
BELGIUM	1	1	0	0	0
CANADA	4	3	0	1	0
DENMARK	5	1	0	4	0
US	6	3	0	1	2
PERANCIS	3	0	0	1	2
SWEDEN	4	2	0	2	0
NORWAY	1	0	0	1	0
SEPANYOL	2	0	0	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>595</b>	<b>276</b>	<b>65</b>	<b>172</b>	<b>82</b>



## Staf Berjaya Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana

Oleh: Norsuria binti Azis

### IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

#### FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

1. **Dr. Imran bin Ibrahim**  
Bidang : Kejuruteraan Elektrik  
Tarikh Berjaya : 02.06.2016  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
2. **Dr. Farid Arafat bin Azidin**  
Bidang : Kejuruteraan Elektrikal (Elektrikal,  
Elektronik dan Sistem)  
Tarikh Berjaya : 28.09.2016  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

1. **Dr. Norazhar bin Abu Bakar**  
Bidang : *Electrical and Computer Engineering*  
Tarikh Berjaya : 02.09.2016  
Universiti Of Curtin, Australia
2. **Dr. Farhan bin Hanafi**  
Bidang : *Electronic & Electrical Engineering*  
Tarikh Berjaya : 14.09.2016  
Strathclyde University, United Kingdom

#### FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

1. **Dr. Mohd Afzanizam bin Mohd Rosli**  
Bidang : *Building Intergrated Photovoltaic  
Thermal (BIPVT)*  
Tarikh Berjaya : 28.09.2016  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. **Dr. Mohd Azli bin Salim**  
Bidang : Kejuruteraan Mekanikal  
Tarikh Berjaya : 26.10.2016  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
3. **Dr. Fadhli bin Syahrial**  
Bidang : Kejuruteraan Mekanikal  
Tarikh Berjaya : 23.09.2016  
Ehime University, Matsuyama, Jepun

### IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

#### FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

1. **Dr. Sarni Suhaila binti Rahim**  
Bidang : *Computing*  
Tarikh Berjaya : 21.07.2016  
Conventry University, United Kingdom
2. **Dr. Ibrahim bin Ahmad**  
Bidang : Informatik Visual  
Tarikh Berjaya : 28.09.2016  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. **Dr. Yahaya bin Abd Rahim**  
Bidang : Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Tarikh Berjaya : 30.08.2016  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
4. **Dr. Lizawati binti Salahuddin**  
Bidang : Sains Komputer (Sistem Maklumat)  
Tarikh Berjaya : 01.08.2016  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### IJAZAH SARJANA

#### FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

1. **Saifullah bin Salam**  
Bidang : Elektronik Industri dan Kawalan  
Tarikh Berjaya : 25.08.2016  
Universiti Malaya (UM)
2. **Muhammed Noor bin Hashim**  
Bidang : Kejuruteraan Mekanik  
Tarikh Berjaya : 25.08.2016  
Universiti Malaya (UM)



## Bengkel Siri Kedua: ePenilaian/eSKT Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

Bengkel ePenilaian Akademik UTeM Siri Kedua telah diadakan pada 4 hingga 6 November 2016 bertempat di Hotel Royale Bintang, Seremban. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan bagi penambahbaikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) serta Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sedia ada bagi Staf Akademik di UTeM. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan eSKT Akademik ini akan merangkumi lima (5) komponen utama iaitu:

1. Pengajaran
2. Penyelidikan
3. Kepimpinan
4. Khidmat Profesional
5. Kualiti Diri




Jawatankuasa Penilaian Prestasi Akademik bertanggungjawab bagi membangunkan satu pendekatan penilaian SKT yang sistematik dan holistik yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohamad Ishak bin Desa dibantu bersama Profesor Dr. Hanipah binti Hussin, Profesor Dr. Md Radzai bin Said, Profesor Dr. Rabiah binti Ahmad, Profesor Dr. Abdul Rani bin Othman, Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim, Profesor Madya Mohd Rahimi Yusoff, Profesor Madya Dr. Jariah bin Mohamad Juoi, Profesor Madya Shahdan bin Md Lani, Profesor Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan, Dr. Othman bin Mohd dan Encik Yahya bin Ibrahim.



## Sesi Town Hall: Pendekatan Baru Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik (e-Penilaian/eSKT)

Oleh: Noorazilah binti Mohamed



Pihak Pengurusan Universiti telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Penilaian Prestasi Akademik yang bertanggungjawab membangunkan satu pendekatan penilaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang sistematik dan holistik dengan mengambil kira semua kriteria perkhidmatan terhadap tugas staf dengan keperluan Universiti.

Pelaksanaan ini bertujuan bagi penambahbaikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) serta SKT sedia ada bagi staf akademik di UTeM. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan eSKT Akademik ini adalah merangkumi lima (5) komponen utama iaitu:

1. Pengajaran
2. Penyelidikan
3. Kepimpinan
4. Khidmat Profesional
5. Kualiti Diri

Sehubungan dengan itu, warga akademik telah dijemput hadir ke sesi Town Hall eSKT Akademik yang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Prestasi Akademik, YBhg. Profesor Dr. Mohammad Ishak bin Desa pada:

Tarikh : 29 November 2016 (Selasa)  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Auditorium,  
Bangunan Canselori

Sesi Town Hall ini diadakan bagi memberi penerangan berhubung cadangan komponen, item dan wajaran dalam pelaksanaan penilaian eSKT ini serta mendapatkan pandangan dan maklum balas dari warga akademik secara amnya.

## Mesyuarat Penyelarasan JALUMA Kali Ke-32 Bil. 3/2016 & Makmal Latihan Berstruktur (24 - 26 Julai 2016)

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid



Pertubuhan Jawatankuasa Latihan Universiti-universiti Malaysia (JALUMA) yang dianggotai oleh Pegawai Jabatan Latihan dari seluruh Universiti Awam Malaysia telah memilih Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat Penyelarasan JALUMA kali ke-32 Bil 3/2016. Mesyuarat telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib yang turut bersama-sama meluangkan masa bagi sesi bergambar.

Mesyuarat kali ini telah membincangkan beberapa perkara yang melibatkan perancangan pelaksanaan aktiviti bagi tahun 2016 seperti penganjuran Konvensyen IT bagi Pentadbir Muda ASEAN 2016 yang dijangka berlangsung pada bulan Disember 2016. Ahli mesyuarat juga turut membangkitkan isu-isu seperti promosi kursus dari UA berkaitan dan pengu- rusan pembayaran.

Keunikan mesyuarat kali ini ialah gabungan satu lagi bengkel iaitu Bengkel Makmal Latihan Berstruktur yang telah diadakan pada sesi petang hari pertama mesyuarat. Bengkel ini merupakan aktiviti pembentangan wakil skim mengenai kursus yang akan ditawarkan berdasarkan tempoh perkhidmatan. Inisiatif penyelarasan ini membolehkan gabungan peserta dari UA lain sekiranya jumlah minimum peserta bagi penganjuran sesuatu kursus tidak dicapai. Langkah ini membolehkan penjaminan dijalankan dan memudahkan pihak penganjur untuk merancang sesuatu latihan dengan lebih teratur.



## Majlis Makan Malam JALUMA Bil. Ke-32 (24 Julai 2016)

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

Selaku tuan rumah Mesyuarat Penyelarasan JALUMA kali ke-32 Bil. 3/2016, UTeM telah menganjurkan Majlis Makan Malam JALUMA di Medan Ikan Bakar Parameswara, Melaka. Medan Ikan Bakar tersebut telah dipilih berdasarkan lokasi yang strategik, eksklusif dan penyediaan menu masakan tradisional Melayu yang berkualiti dan ekonomi.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran Pendaftar UTeM, YBhg. Datuk Hasan bin Sirun diiringi Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Wahi bin Nordin. Kehadiran Pendaftar UTeM membuktikan komitmen dari pihak pengurusan UTeM dalam menyokong perjuangan JALUMA untuk memartabatkan bidang latihan di kalangan Universiti Awam (UA).

Peserta dikejutkan dengan pengumuman sambutan hari lahir salah seorang peserta JALUMA dan pemberian cenderahati sebagai kenangan dari pihak uruse- tia. Semoga kenangan manis melalui jamuan makan malam ini akan mengeratkan hubungan di antara peserta dan promosi tempat-tempat menarik yang terdapat di sekitar Melaka.

## Bengkel Penyediaan Buku Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Minit Mesyuarat di UTeM

Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin


“**Mesyuarat merupakan platform utama bagi membincang, menyelaras, menyelesaikan dan seterusnya memutuskan sesuatu perkara atau isu**”

Mesyuarat merupakan platform utama bagi membincang, menyelaras, menyelesaikan dan seterusnya memutuskan sesuatu perkara atau isu. Mesyuarat dikatakan berkesan apabila matlamat perbincangan tercapai mengikut tempoh yang ditetapkan. Perbincangan dan keputusan mesyuarat perlu dicatat dan diedarkan kepada ahli mesyuarat agar tindakan susulan dapat diambil dan dipantau. Minit mesyuarat yang berkualiti perlulah berasaskan fakta, padat, tepat dan jelas.

Bagi memastikan pengurusan mesyuarat di UTeM ini teratur dan berkesan, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar telah mengadakan dua siri Bengkel Penyediaan Buku Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Minit Mesyuarat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 8 September 2016 dan 20 September 2016.

Bengkel ini diadakan bagi mewujudkan buku panduan pengurusan mesyuarat dan minit mesyuarat di Universiti yang selanjutnya akan menjadi garis panduan kepada warga Universiti dalam mengendalikan mesyuarat dengan baik dan penyediaan minit mesyuarat yang berkualiti, mantap dan seragam.

Seramai 23 orang peserta yang rata-ratanya terdiri daripada urus setia mesyuarat-mesyuarat utama Universiti pada jawatan Timbalan Pendaftar Kanan sehingga Pembantu Tadbir Kanan telah terlibat dalam menjayakan pembentukan buku panduan ini.



Bengkel siri pertama yang diadakan pada 8 September 2016 telah memberikan fokus dalam pembentukan penulisan bagi beberapa topik utama yang dibincangkan dalam empat (4) kumpulan kecil. Hasil penulisan tersebut telah dibentangkan di siri kedua pada 20 September 2016. Sesi kedua ini juga memperlihatkan hasil penulisan tersebut dibahas dan dibincangkan bersama setiap peserta agar satu keputusan kolektif dicapai.

Pembentukan garis panduan yang bersandarkan kepada Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Bilangan 6 Tahun 2014 ini memberikan penekanan kepada beberapa elemen utama dalam pengendalian mesyuarat seperti Pengurusan Mesyuarat, Format Minit Mesyuarat, Format Cabutan Minit dan Laporan Perkara Berbangkit dan Format Kertas Kerja.



## Meneroka Rahsia Diri

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

Kecemerlangan sesebuah organisasi hanya akan terhasil menerusi penglibatan warga yang cemerlang dari sudut pekerjaan dan sahsiah diri. Perubahan momentum pembangunan modal insan kepada pengurusan bakat telah menuntut pihak pengurusan universiti untuk membina platform pembangunan sumber manusia yang seimbang di antara keperluan dunia dan akhirat.

Inisiatif pengurusan bakat ini perlu dilakukan secara menyeluruh dan berstrategi agar terus mendapat sokongan padu dari semua pihak. Justeru, Pejabat Pendaftar menerusi Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah merangka struktur latihan berperingkat di mana kumpulan pertama seramai 22 orang staf telah dipilih untuk mengikuti modul pemantapan jiwa iaitu "Meneroka Rahsia Diri (MRD)" pada 22 hingga 24 April 2016 di Gunung Ledang Resort, Johor.

Peserta yang terpilih telah melalui peringkat asas modul iaitu Tiga Nilai Teras Kehidupan yang berfokuskan konsep mengenali Pencipta dan PenciptaanNya. Peserta kursus MRD kali ini telah didedahkan dengan kaedah mengenali diri, pemerokaan kekuatan dan kelemahan diri serta nilai-nilai kepimpinan melalui proses penyampaian dan amalan-amalan zikir pilihan.



Proses pembelajaran modul MRD perlu diteruskan oleh peserta melalui amalan sendiri selepas tempoh kursus. Penghayatan peserta perlu dikongsi bersama staf lain yang hampir dengan mereka agar ilmu dapat disebarkan menerusi dakwah dan menjadi ejen perubahan kepada seluruh warga universiti. Semoga usaha murni ini akan diteruskan dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT dalam kembara penerokaan rahsia ciptaan makhluk sehebat manusia ini.



## 2,832 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2016/2017 Mendaftar di UTeM

Oleh: Muhammad Iqbal bin Amdan

**DURIAN TUNGGAL** — Seramai 2,832 pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda mendaftarkan secara rasmi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi Sesi Akademik 2016/2017 baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 534 orang adalah pelajar program Diploma, manakala 2,298 orang lagi merupakan pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti pengajian di tujuh (7) buah fakulti pengajian di UTeM sama ada di dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan

Pendaftaran pada tahun ini telah berjalan dengan lancar dan bersistematik. Lebih membanggakan apabila Universiti berjaya memperbaiki proses sistem pendaftaran yang mana ianya lebih teratur, cepat serta efisien dan hanya mengambil masa selama 5 minit bagi seorang pelajar untuk menyelesaikan segala urusan pendaftaran berkaitan.

Pelbagai maklum balas yang sangat positif diperolehi dari para ibu bapa yang berpendapat inilah yang harus dilaksanakan oleh sebuah Universiti, apatah lagi bagi sebuah Universiti teknikal yang sentiasa mementingkan kecekapan dan keberkesanan di dalam segala tugas yang dijalankan terutamanya di dalam sistem pentadbiran.

Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademiknya yang mempraktikkan sistem pembelajaran dan pengajaran berkonsepkan teknikal dan menepati keperluan industri. Pada tahun ini, UTeM memperkenalkan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dengan kerjasama Darul Quran JAKIM kepada pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda. Pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa teknikal yang mampu menghafal al-Quran dalam tempoh pengajian mereka di UTeM. Seramai 20 orang pelajar telah terpilih bagi pengambilan pertama program ini.

Pada sesi ini, UTeM menerima bilangan pelajar teramai yang mendaftar iaitu seramai 2,832 orang yang mencatat nisbah pendaftaran sebanyak 93% dan merupakan antara nisbah penerimaan yang tertinggi sejak awal penubuhannya. Peningkatan bilangan pelajar ini telah membuktikan bahawa sistem pendidikan serta kemudahan pengajian yang disediakan di institusi ini mendapat perhatian serta kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan ibu bapa dan juga para pelajar.





## Majlis Jasamu Dikenang

Oleh: Norhafizah binti Md Yusoh

Saban tahun, Universiti telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan pesara dan bakal pesara UTeM. Bagi tahun ini, penganjuran majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Pejabat Pendaftar pada tanggal 19 Julai 2016 bertempat di Bilik Jamuan Utama, Canselor.

Naib Canselor UTeM dalam ucapannya menyatakan bahawa khidmat dan peranan golongan pesara di negara ini masih penting dalam usaha membantu menyebar dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat. Walaupun tempoh perkhidmatan mereka telah tamat, pesara juga masih boleh memainkan peranan dengan terus bergiat aktif dalam aktiviti anjuran Kerajaan dan pertubuhan dengan Kerajaan untuk terus menyumbang bakti dalam pembangunan negara.

Menurutnya, semua pesara UTeM disaran meneruskan perhubungan dan jalinan sedia ada terutama dalam berkongsi kepakaran, pengalaman dan idea ke arah kemajuan Universiti.



*"Warga Universiti mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan dalam membantu kepada kecemerlangan UTeM", ujarinya.*

Dalam majlis yang dianjurkan pada kali ini, seramai enam (6) orang pesara UTeM telah diraikan sebagai tanda penghargaan di atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan di Universiti ini.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa selama berkhidmat di UTeM.

### Pesara yang diraikan



**En. Ramasamy A/L Annachacam**  
**Tarikh Persaraan: 14/07/2016**  
 Pengawal Keselamatan/Lans Koperal  
 Polis Bantuan (KP11)  
 Pejabat Penolong Naib Canselor  
 (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas)

**Pn. Edna Binti Buyong**  
**Tarikh Persaraan: 04/09/2016**  
 Pensyarah Kanan (DS51)  
 Fakulti Pengurusan Teknologi Dan  
 Teknousahawanan



**Dr. Kalthom Binti Husain**  
**Tarikh Persaraan: 30/06/2016**  
 Pensyarah Kanan (DS52)  
 Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan



**En. Zainudin Bin Ahmad**  
**Tarikh Persaraan: 03/09/2016**  
 Timbalan Pendaftar Kanan (N52)  
 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal  
 Ehwal Pelajar)



**En. Hassan Bin Adnan**  
**Tarikh Persaraan: 16/01/2017**  
 Pensyarah Kanan (DS51)  
 Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan



**En. Ishak Bin Amin**  
**Tarikh Persaraan: 01/08/2016**  
 Pegawai Belia Dan Sukan Kanan (S44)  
 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal  
 Ehwal Pelajar)

## Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Melaka Tahun 2016

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid



Sebagai salah satu Universiti Awam di Melaka, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) tidak ketinggalan menyertai perbarisan sempena sambutan Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Melaka yang diadakan pada 31 Ogos 2016. UTeM telah menghantar kontinjen perbarisan seramai 40 orang yang diketuai oleh Koperal (Polis Bantuan) Afandi bin Aziz. Tema Sambutan Hari Kemerdekaan ke-59 iaitu Sehati Sejiwa terus disemarakkan dengan kehadiran kontinjen UTeM yang terus diperkuatkan menerusi penglibatan pelbagai jabatan dan anggota Polis Bantuan UTeM.

Latihan intensif kawad kaki yang dipimpin oleh KPL(PB) Afandi Aziz dan SJN(PB) Narawi bin Jen selama 3 hari telah menghasilkan satu pasukan kawad kaki yang berdisiplin dan mempunyai semangat juang yang tinggi. Persiapan yang rapi merangkumi penyediaan pakaian seragam yang melambangkan komitmen UTeM dalam memeriahkan sambutan dan lambang perpaduan di antara universiti dan masyarakat setempat. Lintas hormat kontinjen UTeM telah menerima tabik hormat dari Naib Canselor, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib.

Gabungan komitmen yang tinggi dari Naib Canselor dan warga universiti, UTeM akan terus menyemarakkan sambutan hari kemerdekaan pada tahun akan datang.



## UTeM Terbilang 2016

Oleh: Mohd Yazli bin Mohamed Rahis

UTeM Terbilang Bil. 1/2016 telahpun melabuhkan tirainya pada penghujung September 2016 yang lalu. Program Aku Janji, Orientasi Staf Baru dan Pengenalan Universiti ini telah dengan jayanya dilaksanakan bermula 19 hingga 25 September 2016. Buat julung kalinya penganjuran oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar ini telah mendapat persetujuan YBhg. Datuk Hasan bin Sirun selaku Pendaftar UTeM untuk dijalankan di peringkat dalaman dengan menggunakan sepenuhnya segala kemudahan yang ada di sekitar UTeM.

Untuk makluman, UTeM Terbilang merupakan kursus wajib Pejabat Pendaftar dan kebiasaannya akan dianjurkan sebanyak dua (2) kali setahun. Program ini dilaksanakan selama tujuh (7) hari termasuk empat (4) hari di dalam kelas ceramah dan tiga (3) hari dua (2) malam di Pusat Kokurikulum bagi aktiviti *outdoor* yang mana memerlukan peserta untuk bermalam di dalam khemah. Menariknya penganjuran pada kali ini turut membabitkan kepakaran dalaman yang dilantik khas dari kalangan staf UTeM selaku fasilitator. Lantikan ini adalah berdasarkan pengiktirafan serta pengalaman mereka dalam menguruskan aktiviti-aktiviti lasak.

Sepintas lalu, penganjuran UTeM Terbilang adalah bertujuan membentuk jati diri dan keperibadian staf di samping memupuk kecintaan terhadap organisasi serta nilai patriotisme dalam diri staf. Staf juga akan diterapkan dengan nilai budaya kerja cemerlang agar perkhidmatan yang akan diberikan nanti lebih cekap dan cemerlang. Selain itu, staf juga akan didedahkan dengan peraturan-peraturan penjawat awam serta pelbagai lagi asas dalam menjalankan tugas-tugas hakiki.

Pada penyertaan kali ini, sejumlah empat puluh dua (42) orang staf baharu telah berjaya hadir merangkumi staf dari pelbagai gred dan jawatan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah yang disampaikan oleh pegawai-pegawai UTeM sendiri yang sangat berpengalaman. Aktiviti *outdoor* serta riadah pula turut melibatkan aktiviti *orienteeing* juga beberapa aktiviti lain yang memerlukan staf menonjolkan semangat kerja berpasukan di samping menguji kekuatan mental dan fizikal. Di penghujung program, dengan disaksikan sendiri oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM serta beberapa Pegawai Kanan yang lain, semua peserta UTeM Terbilang Bil. 1/2016 telah melafazkan ikrar keramat dan diakhiri dengan menandatangani Surat Aku Janji.



## Lawatan Kerja Penanda Aras Anugerah Akademik Universiti dan Pelan Penggantian

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

Delegasi lawatan kerja dari Unit Penilaian Prestasi dan Jaminan Kualiti, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ke UTeM telah diadakan pada 21 September 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang dihadiri oleh Prof. Dr. Abdul Malek bin A Tambi (Pengarah), Puan Asmawati binti Noor Muhamat (Penolong Pendaftar Kanan), Puan Robiah binti Arifin (Pegawai Teknologi Maklumat) dan Cik Nur Aklima binti Mohamad (Penolong Pegawai Tadbir).

Lawatan kerja dari UniSZA ini bertujuan melaksanakan penanda aras bagi Anugerah Akademik Universiti (AAU), Continuous Profesional Development (CPD) dan Pelan Penggantian. Selain itu lawatan kerja ini turut memberi peluang kepada pihak UniSZA berkongsi sistem-sistem yang dibangunkan oleh UTeM serta dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang erat di antara pihak UniSZA dan UTeM.



Taklimat dari pihak UTeM telah disampaikan oleh Encik Mohd Azmi bin Mat Said, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Turut hadir bersama ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Pendaftar iaitu Puan Noorazilah binti Mohamed, Puan Noor Izwanni binti Amil, Puan Hazrin binti Kasim, Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukor serta wakil pegawai dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) iaitu Puan Syamimah binti Mohamad Hata dan Puan Norleen binti Azam.



## Lawatan UNIMAS

Oleh: Noor Aswany binti Ses

Unit Emolumen, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Unit Gaji dan Hasil, Pejabat Bendahari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 22 September 2016.

Pada jam 11.30 pagi delegasi dari UNIMAS tiba di Bangunan Canselori UTeM dan disambut oleh pegawai-pegawai dari BPSM dan Pejabat Bendahari. Mereka disambut dengan Sesi bergambar di Dataran Canselori.

Seramai 5 orang kakitangan telah terlibat dalam lawatan tersebut iaitu Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Ketua Unit Emolumen (BPSM), Ketua Unit Gaji dan Hasil dari Pejabat Bendahari.

Objektif utama lawatan kerja ini adalah:

- 1 Membuat penandaarasan terhadap beberapa perkara berhubung dengan pelaksanaan pengurusan emolumen di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.



- 2 Bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman berkaitan bidang tugas
- 3 Mengeratkan hubungan antara BPSM UTeM dengan BPSM UNIMAS.

Deligasi seterusnya dibawa ke Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar dan Video Koporat serta Montaj Pejabat Pendaftar ditayangkan. Selain itu, sesi Perkongsian Maklumat seperti Pengenalan Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bendahari iaitu berkaitan Emolumen dan Gaji telah diterangkan oleh Pegawai BPSM dan Pegawai Bendahari.

Lawatan tersebut telah berakhir pada jam 4.30 petang.

# Kelahiran cahayamata..



*Anak adalah anugerah...  
Anak adalah amanah...  
Anak juga ujian dari Allah*

Muhammad Harraz Naufal  
bin Jamal  
D.O.B: 17 Mei 2016  
IBU:  
**NURFADHLIYANA BINTI ROSLI**


*Anak anugerah terindah  
hargailah mereka....*

Awais Al-Qarni  
bin Zulkeflei  
D.O.B: 17 Sept 2016  
IBU:  
**MASRI BINTI AWALUDIN**



Ayra Adelia binti Muhamad Mokhtar  
Ayra Insyirah binti Muhamad Mokhtar  
D.O.B: 14 Okt 2016

IBU:  
**NUR FAZILAH BINTI MOHD KASSIM**



*Ujian yang hebat untuk  
orang yang hebat dan sabar...*